

Khazanah tanggung beban hutang UEM

24 JUL 2001

KUALA LUMPUR, Ism - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pegambilalihan keseluruhan kepentingan United Engineers (Malaysia) Bhd (UEM) oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) turut meliputi hutang konglomerat itu.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, ini termasuk hutang bekas Naib Pengerusinya, Tan Sri Halim Saad.

"Apabila kita mengambil alih, saya berpendapat kita mengambil alih hutang sekali gus. Anda tidak boleh mengambil alih aset dan bukan mengambil alih hutang," katanya selepas melancarkan kempen Wanita Membanteras Keganasan di sini petang ini.

Khazanah, cabang pelaburan kerajaan, menawarkan pembelian keseluruhan kepentingan UEM dengan membuat tawaran bersyarat membabitkan pertimbangan bernilai kira-kira RM3.8 bilion menerusi anak syarikat milik penuhnya, Syarikat Danasaham Sdn Bhd (Danasaham).

Pengambilalihan UEM itu akan turut menyaksikan Danasaham muncul sebagai pemegang saham terbesar dalam Renong Bhd (Renong) berikutan UEM turut mempunyai 32.6 peratus ekuiti syarikat itu.

Ditanya sama ada Halim masih perlu membayar apa saja hutangnya kepada UEM selepas diambilalih oleh Danasaham, Dr Mahathir berkata hutang itu akan turut diambilalih.

Bagaimanapun katanya, hutang itu bukan sesuatu pinjaman oleh Halim, tetapi pinjaman untuk syarikat.

"Dia (Halim) tidak membuat pinjaman wang, syarikat yang membuat pinjaman. (Bila) syarikat diambil alih, anda ambil alih hutang juga," katanya.

Dr Mahathir mengulangi kerajaan tidak akan membelanjakan wang rakyat sewenang-wenangnya dalam tindakan mengambil alih UEM daripada Renong itu.

"Kita tidak buat sesuatu dengan sia-sia," katanya.